



**Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah**  
**Social Security Scheme for Housewives**

1. Maklumat mengenai Skim Keselamatan Sosial untuk Suri Rumah – apakah jenis perlindungan dan faedah-faedah di bawah Skim tersebut?

*Details of social security protection for housewives – what kind of coverage and benefits under the scheme?*

Pelaksanaan Skim ini akan melibatkan penggubalan satu Akta baharu bagi menetapkan pelbagai perkara termasuk tarikh pendaftaran, bayaran caruman, takrifan suri rumah atau balu, pemprosesan dan bayaran faedah, dan lain-lain.

Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah PERKESO akan memberi perlindungan kepada suri rumah warganegara Malaysia yang tidak bekerja akibat hilang upaya kekal atau keilatan sehingga umur 60 tahun.

*The implementation of this Scheme will require the enactment of a new Act to prescribe various matters including the date of registration, contribution payments, definitions of housewife or widow, processing and payment of benefits, and many others.*

*SOCSSO's Social Security Scheme for Housewives will provide protection to non-working housewives against permanent disablement or invalidity up to the age of 60.*

2. Adakah Skim ini terbuka kepada semua suri rumah termasuk suri rumah kepada suami yang bekerja dengan Kerajaan, atau bekerja sendiri? Bagaimana dengan ibu tunggal?

*Is it open to all housewives including those whose husbands working with the Government and whose husbands are self-employed? How about widows and single mothers?*

Ini juga terdapat di dalam Akta baharu.

*This will be included in the new Act.*

3. Berapa jumlah suri rumah dan ibu tunggal di Malaysia?

*What is the total number of housewives and single mothers in Malaysia?*

Mengikut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, **pada tahun 2018 terdapat 2.95 juta suri rumah, ibu tunggal dan balu warganegara Malaysia yang tidak bekerja.**

*According to the Malaysian Labour Force Survey Report by the Department of Statistics, there were **2.95 million Malaysian housewives, single mothers and widows who are not working in 2018.***

4. Apakah kadar carumannya?

*What is the contribution rate?*

Ini adalah keputusan dasar dan biarlah YB Menteri Sumber Manusia yang umumkan. Tetapi saya yakin ia **tidak akan membebankan** suri rumah.

*This is a policy decision and let YB Minister of Human Resources announce it. But I am sure that the contribution rate will not burden the housewives.*

5. Bagaimanakah cara untuk suri rumah mencarum kepada PERKESO?

*How do housewives contribute to SOCSO?*

Ini juga akan dimasukkan dalam Akta baharu.

*This will also be included in the new Act.*

6. Bilakah Skim ini akan dilaksanakan?

*When will this scheme be implemented?*

Skim ini akan dilaksanakan apabila Akta diluluskan oleh Parlimen. Kami di PERKESO berharap agar Skim ini dapat dilaksanakan secepat mungkin kerana ramai suri rumah di luar sana terutama kumpulan B40 tidak mempunyai apa-apa insurans untuk diri sendiri.

*This scheme will be implemented once the Act is passed by Parliament. We at SOCSO hope that this scheme can be implemented as soon as possible because many housewives out there especially the B40 group do not have any insurance for themselves.*

7. Adakah pelaksanaan Skim ini melibatkan tambahan kos dan tenaga kerja?

*Will it involve additional cost or manpower to enforce this scheme?*

Kami akan buat pengumuman bila semuanya telah diperhalusi.

*We will announce once everything is finalised.*

8. Adakah akan terdapat pertindihan antara Skim ini dan Skim i-Suri yang ditadbir oleh KWSP?

*Will there be an overlapping between this Scheme and the i-Suri Scheme managed by the EPF?*

**Tiada pertindihan** antara Skim yang dilaksanakan oleh KWSP dan Skim oleh PERKESO kerana Skim PERKESO memberi **perlindungan kepada suri rumah yang ditimpa musibah** yang sudah semestinya berbeza dengan konsep caruman KWSP iaitu **simpanan hari tua**.

Perlindungan keselamatan sosial PERKESO bagi golongan sasar (suri rumah) adalah lebih **komprehensif** berdasarkan kontingensi yang tidak terduga.

Skim PERKESO adalah bersifat **pelengkap (complementary)** dan merupakan salah satu komponen dalam perlindungan sosial rakyat yang disediakan oleh Kerajaan.

*There will be **no overlap** between the EPF Scheme and SOCSO Scheme because the SOCSO Scheme provides **protection to housewives during contingencies**, which is certainly different from the EPF's concept of contribution which is **old-age savings**.*

*SOCOSO's social security protection for the target group (housewives) is more **comprehensive**, based on unexpected mishaps.*

*The SOCSO scheme is **complementary** and is one of the components of the social security for the rakyat provided by the Government.*

**Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed**

**Ketua Eksekutif/Chief Executive Officer**

**Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)/Social Security Organisation (SOCOSO)**